GOODSTOCK (NOMINEES) SDN. BHD.

lwn.

LEENG LAND SDN. BHD. & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN H
[GUAMAN SIVIL NO. D5-22-1465-90]
5 JANUARI 1991

PROSEDUR SIVIL: *Kehadiran bersyarat - Permohonan mengenepikan writ - Afidavit menunjukkan bahawa sebenarnya permohonan untuk pembatalan writ - Plaintif tidak membuat bantahan permulaan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 12 k. 7(1).*

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Pindahmilik syer - Bankrap - Keesahan - Akta Kebankrapan 1967 s. 53(1)*

Pada bulan Disember 1986, D3 memegang 897,001 syer dan D2 memegang 1,000 syer dalam syarikat defendan pertama D1; P mendakwa mereka adalah pemegang berdaftar 749,998 syer dalam D1 oleh kerana D3 telah berhutang kepada ICL dan sebagai jaminan bayaran balik, telah menyandarkan 750,000 syer dalam D1; 700,000 syer telah terdahulunya disandar oleh D3 kepada H dan dipersetujui bahawa ICL menebus syer daripada H dan D3 memindahmilik 700,000 syer dan 50,000 syer lain kepada ICL untuk penyelesaian hutang. Syer-syer tersebut telah dipindahmilik kepada dan didaftar atas nama P dan sijil syer bertarikh 8 April 1988 dan 20 Mac 1989. D3 telah diisytiharkan bankrap pada 4 Mei 1987 dan Pegawai Pemegang Harta dijadikan D5.

P memohon satu deklarasi bahawa mesyuarat-mesyuarat agung luar biasa defendan pertama D1 yang dipanggil oleh defendan kedua dan ketiga, D2 dan D3, pada 18 Jun 1988 dan 11 Mei 1990 dan semua keputusan dan resolusi yang diambil dan dilulus tidak sah, batal dan tidak berkesan.

Pada 8 Oktober 1990, D1, D2 dan D4 telah memasukkan kehadiran bersyarat dan memohon supaya writ dan penyampaiannya diketepikan di bawah A. 12 k. 7(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT); tetapi berdasarkan afidavit yang dimasukkan, adalah jelas bahawa defendan tersebut ingin memperolehi perintah Mahkamah di bawah A. 18 k. 19(1)(a) untuk pembatalan writ dan pernyataan tuntutan. Defendan berhujah bahawa

(a) oleh sebab D3 telah jadi bankrap pada 4 Mei 1987 pindahmilik syer bertarikh 8 April 1988 dan 20 Mac 1989 adalah tidak sah di bawah s. 53(1) Akta Kebankrapan 1967 (Akta tersebut) dan oleh itu P bukanlah pemegang berdaftar syer dalam D1 dan tidak berhak membuat tuntutan ini; dan

(b) pindahmilik syer berkenaan tidak mematuhi perkara 26 Perkara-perkara Persatuan D3.

Diputuskan:

[1] Makna istilah "kehadiran bersyarat" adalah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan di bawah A. 12 k. 7(1)(KMT); oleh kerana Peguam P tidak membuat bantahan permulaan mengenai permohonan tersebut, Mahkamah terus memberi pertimbangan kepada permohonan tersebut. Sekiranya bantahan permulaan dibuat, Mahkamah telah tentu menolak permohonan tersebut tanpa mendengar hujah-hujah defendan yang menyokong permohonan di bawah A. 18 k. 19.

[2] (a) D3 dan D5 tidak membangkit persoalan bahawa P telahpun didaftarkan sebagai pemegang syer dan penama-penama P telah dilantik sebagai pengarah.

(b) Sama ada pindah milik syer-syer yang berkenaan sah atau tidak sah di bawah s. 53 tidak boleh diputuskan di peringkat ini. Bagi permohonan di bawah A.18 k. 19(i)(a)(KMT) keterangan tidak boleh diterima.

(c) Alasan defendan kedua juga tidak boleh diputuskan di peringkat ini.

[3] Berdasarkan prinsip-prinsip yang telah diputuskan dalam kes-kes mengenai kuasa Mahkamah di bawah A. 18 k. 19(KMT), Mahkamah telah menolak permohonan defendan.

[Permohonan D1, D2 dan D4 ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:
(Redifussion (Hong Kong) Ltd. v. Attorney-General of Hong Kong (PC) [1970] LR 1136
Tractors (M) Ltd. v. Tio Choe Hing [1975] 2 MLJ 1 (PC).
Boaler v. Holder [1886] 54 LT 298
Mooney & Ors. v. Peat, Marwick Mitchell & Co. & Anor. [1967] 1 MLJ 87

Perundangan-perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, s. 53(1)
Rules of the High Court 1980, O. 12 r. 7(1), O. 18 r. 19, (1), (1)(a)

Bagi pihak plaintif - Sethu; T/n. R.R. Sethu
Bagi pihak defendan pertama, kedua & keempat - Wong Kim Fat (Christina Chia with him); T/n. Christina Chia Ng & Partners

[**Nota Pengarang:** Plaintif telah membuat rayuan kepada Mahkamah Agung pada 8 Disember 1990 - M.A.R.S. No. 03-122-90]

PENGHAKIMAN

Wan Adnan H:

Dalam tuntutan ini plaintif memohon satu deklarasi bahawa Mesyuarat-mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat Leeng Land Sdn. Bhd. (defendan pertama) yang dipanggil oleh defendan kedua dan ketiga yang dilangsungkan pada 18 Jun 1988 dan 11 Mei 1990 dan semua keputusan yang diambil dan resolusi dilulus tidak sah dan batal dan tidak berkesan, injunksi dan lain-lain remedi yang berkaitan.

Pada 8 Oktober 1990 dengan kebenaran Mahkamah kehadiran bersyarat telah dimasukkan oleh defendan pertama, kedua dan keempat dan dengan permohonan ini (kandungan 11) mereka memohon supaya writ dan penyampaiannya "diketepikan dan/atau dibatalkan". Mengikut saman-dalam-kamar jelas permohonan ini dibuat di bawah A. 12 k. 7(1) yang berbunyi:

> 7(1) Seseorang defendan dalam sesuatu tindakan boleh pada bila-bila masa sebelum memasukkan kehadiran di dalamnya, atau, jika dia telah memasukkan kehadiran bersyarat, dalam tempoh 14 hari selepas memasukkan kehadiran itu, memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah mengenepikan writ atau penyampaian writ itu, atau notis writ itu, kepadanya, atau mengisytiharkan bahawa writ atau notis itu telah tidak disampaikan dengan sempurnanya kepadanya atau melepaskan apa-apa perintah memberikan kebenaran untuk menyampaikan notis itu kepadanya di luar bidang kuasa.

a Tetapi mengikut afidavit-afidavit yang dimasukkan untuk menyokong permohonan ini dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Peguam jelas pula hasrat sebenar mereka ialah untuk mendapat perintah Mahkamah di bawah A. 18 k. 19(1)(a) supaya dibatalkan writ dan pernyataan tuntutan atas alasan ianya tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan.

Istilah "kehadiran bersyarat" bermakna satu kehadiran dalam terma-terma bersyarat yang menyimpan kepada defendan yang memasukkan kehadiran sedemikian hak memohon kepada *b* Mahkamah untuk mengenepikan writ atau penyampaiannya atas alasan dilakukan tanpa acara atau tanpa menurut peraturan yang menyebabkan writ atau penyampaiannya tidak sah atau atas alasan tidak ada bidang kuasa. Permohonan di bawah A. 12 k. 7(1) adalah terhad kepada perkara-perkara itu sahaja.

Peguam plaintif tidak pula membuat bantahan permulaan mengenai perkara ini. Beliau hanya *c* memberi jawapan selepas Peguam defendan selesai memberi hujah-hujah keseluruhannya bersekali dengan hujah-hujah yang lain mengenai permohonan di bawah A. 18 k. 19. Sekiranya bantahan permulaan dibuat saya telah tentu menolak permohonan ini tanpa mendengar hujah-hujah untuk menyokong permohonan di bawah A. 18 k. 19. Saya terus memberi pertimbangan kepada permohonan untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan di bawah A. 18 k. 19 untuk tidak memanjangkan prosiding ini dan ini tidak memudaratkan mana-mana pihak. *d* Sekiranya permohonan ini ditolak atas alasan seperti disebut di atas pihak defendan-defendan masih berhak untuk mengemukakan satu permohonan baru di bawah A. 18 k. 19.

Pada bulan Disember 1986 pegangan syer-syer berdaftar dalam defendan pertama adalah seperti berikut:

e	(1) Lee Kok Kuang (defendan ketiga)	897001
	(2) Lee Siew Heng	100101
	(3) Ng Siew Wah	1000
	(4) Sow Soo Moy	1000
	(5) Lee Swee Ai (defendan kedua)	1000

f Dalam pernyataan tuntutan, plaintif mendakwa mereka adalah pemegang berdaftar 749,998 syer dalam defendan pertama. Defendan ketiga telah berhutang kepada Integrated Credit Leasing Sdn. Bhd. (ICL) sebanyak RM420,000 dan sebagai jaminan bayaran balik menyandarkan 750,000 syer dalam syarikat defendan pertama. Pada masa itu 700,000 syer telah disandar terdahulu oleh defendan ketiga kepada Hock Chuan Bee Tea Merchant Sdn. Bhd. bersekali dengan borang pindah milik dan sijil syer. Telah dipersetujui supaya ICL menebus syer-syer daripada *g* Hock Chuan Bee dan borang pindah milik serta sijil syer dan defendan ketiga memindah milik 700,000 syer tersebut dengan 50,000 syer lain kepada ICL atau penamanya bagi penyelesaian hutang kepada ICL. Persetujuan itu telah dilaksanakan dan 750,000 syer telah dipindah milik kepada dan didaftar atas nama plaintif di bawah sijil syer yang berikut:

(a) No. Sijil 23 bertarikh 8 April 1988 bagi 350,000 syer.

h (b) No. Sijil 25 bertarikh 20 Mac 1989 bagi 400,000 syer.

Lee Kok Kuang telah diisytihar bankrap pada 4 Mei 1987 dan dalam tuntutan ini Pegawai Pemegang Harta dijadikan defendan kelima.

i

Dua alasan dikemuka untuk permohonan ini.

Alasan pertama: oleh sebab Lee Kok Kuang telah jadi bankrap pada 4 Mei 1987 pindah milik syer bertarikh 8 April 1988 dan 20 Mac 1989 adalah tidak sah di bawah s. 53(1) Akta Kebankrapan 1967. Oleh yang demikian plaintif bukanlah pemegang berdaftar syer dalam syarikat defendan pertama dan tidak ada hak membuat tuntutan ini.

Seksyen 53 adalah seperti berikut:

> 53(1) Every conveyance or transfer of property or charge thereon made, every payment made, every obligation incurred and every judicial proceeding taken or suffered by any person unable to pay his debts, as they become due, from his own money in favour of any creditor or any person in trust for any creditor shall be deemed to have given such creditor a preference over other creditors if the person making, taking, paying or suffering the same is adjudged bankrupt on a bankruptcy petition presented within six months after the date of making, taking, paying or suffering the same and every such act shall be deemed fraudulent and void as against the official assignee.
>
> (2) This section shall not affect the rights of any person making title in good faith and for valuable consideration through or under a creditor of the bankrupt.
>
> (3) For the purposes of this section "creditor" includes a surety or guarantor for the debt due to that creditor.

Syer yang berkenaan telah dipindahkan oleh defendan ketiga kepada plaintif untuk menyelesaikan hutangnya kepada ICL. Plaintif telahpun didaftarkan sebagai pemegang syer dan penama-penama plaintif telahpun dilantik sebagai pengarah. Lee Kok Kuang dan pegawai pemegang harta tidak bangkit perkara ini.

Di bawah s.53 bukan semua jenis pindah milik dianggapkan tidak sah dan kalau pun tidak sah ianya tidak sah terhadap pemegang harta. Sama ada pindah milik syer-syer yang berkenaan sah atau tidak sah di bawah s. 53 tidak boleh diputuskan di peringkat ini. Bagi permohonan di bawah A.18 k.19(i)(a) keterangan tidak boleh diterima.

Alasan kedua: Pindah milik syer-syer yang berkenaan tidak mematuhi perkara 26 Perkara-perkara Persatuan defendan ketiga yang berbunyi seperti berikut:

> 26. Shares may be freely transferred by a member or other person entitled to transfer to any existing member selected by the transferor; but save as aforesaid, and save as provided by Articles 31 and 32 hereof, no share shall be transferred to a person who is not a member so long as any member or any person selected by the directors as one whom it is desirable in the interest of the company to admit to membership is willing to purchase the same at the fair value.

Selepas pindah milik dibuat oleh defendan ketiga plaintif telah didaftarkan sebagai pemegang syer dan sijil-sijil syer yang berkenaan telahpun dikeluarkan atas nama plaintif. Syer-syer yang dipegang oleh defendan ketiga adalah hampir 90% daripada modal syarikat defendan pertama. Perkara ini juga tidak boleh diputuskan di peringkat ini.

Kuasa Mahkamah di bawah A.18 k.19 untuk membatalkan writ atau pliding kerana tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah hendaklah digunakan dalam kes-kes yang nyata dan terang sahaja (*Redifussion (Hong Kong) Ltd. v. Attorney-General of Hong Kong (PC)* [1970] LR 1136). Kuasa untuk membuang satu tindakan secara terus dengan tidak membenarkan plaintif meneruskan perbicaraan adalah satu kuasa yang keras. Ianya hendaklah digunakan berhati-hati. (*Tractors (M) Ltd. v. Tio Chee Hing* [1975] 2 MLJ 1 (PC)). Jika

pernyataan tuntutan memperlihatkan satu alasan tuntutan, kemungkinannya plaintif tidak akan berjaya pada masa perbicaraan dengan alasan itu bukanlah satu sebab untuk membatalkan pernyataan itu. *Boaler v. Holder* [1886] 54 LT 298 yang diikuti dalam *Mooney & Ors. v. Peat, Marwick Mitchell & Co. & Anor*. [1967] 1 MLJ 87.

Dengan sebab-sebab di atas saya tolak permohonan dengan kos.

Also found at [1991] 1 CLJ 696